



KPTNS

KARYA PERDANA TAHUNAN
NEGERI SABAH KE-38, 2023

Majlis
Pameran Dan Penyampaian
Hadiah KPTNS ke-38, 2023

sempena

Sambutan Ulang Tahun
Kelahiran Rasmi Ke-70 Tuan
Yang Terutama Yang Di-Pertua
Negeri Sabah Tahun 2023


13 Oktober 2023

Marriott Hotel, Kota Kinabalu



KPTNS

38, 2023



ISI

kandungan

22 DATA PENYERTAAN

23 PANEL PENGADIL
PERINGKAT NEGERI

24 KOMEN PENGADIL



06 LATAR BELAKANG

08 GAMBAR TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

Tun Datuk Seri Panglima (Dr,) Haji
Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin

**GAMBAR YANG AMAT
BERBAHAGIA TOH PUAN**

Tun Datuk Seri Panglima Hajah
Norlidah Binti Tan Sri Datuk R.M.
Jasni

11 PERUTUSAN

16 ATURCARA

18 IMBASAN 2022

20 TEMA & OBJEKTIF

21 NILAI HADIAH

30 KUNJUNGAN
KE SEKOLAH-SEKOLAH

32 PENGHARGAAN
KHAS

33 GURU INSPIRASI

36 TOKOH SENI VISUAL & KRAF
NEGERI SABAH 2023

39 KARYA PILIHAN
PERINGKAT NEGERI

60 PENGADILAN
PERINGKAT BAHAGIAN

62 KARYA PILIHAN
PERINGKAT BAHAGIAN

68 AHLI JAWATANKUASA

69 SANJUNGAN BUDI



LATAR belakang

Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah merupakan aktiviti pengembaraan seni visual tahunan anjuran **Balai Seni Lukis Sabah** yang dipengerusikan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah di bawah naungan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Aktiviti tahunan ini melibatkan penyertaan dari **para pelukis, pengukir, pencetak, pengarca, perekabentuk, pengkraf** dan sebagainya bagi menghasilkan karya-karya bermutu tinggi untuk dipilih, dipamer dan dikumpul sebagai koleksi dan khazanah Balai Seni Lukis Sabah dan Negeri.

Aktiviti ini bertujuan untuk **menggalakkan penglibatan para artis** bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti karya seni visual tempatan di samping memupuk kepekaan masyarakat tempatan terhadap jurusan ini.

Aktiviti yang telah dimulakan sejak tahun **1985** dalam bentuk pertandingan seni lukis biasa ini telah menjalani proses evolusi yang menggalakkan dari segi konsep, skop, pendekatan dan sistem pelaksanaannya hinggalah membawa ke bentuknya pada hari ini. KPTNS dikendalikan pada **setiap tahun sempena Perayaan Hari Jadi Rasmi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.**





**TUAN YANG TERUTAMA TUN
DATUK SERI PENGLIMA (DR.)
HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI
MAHIRUDDIN YANG DI-PERTUA
NEGERI SABAH**

S.M.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.U.P.N.,
P.G.D.K., P.J.N., A.S.D.K., J.P., Hon.
Ph.D (UoW) UK



**YANG AMAT BERBAHAGIA TOH
PUAN DATUK SERI PANGLIMA
(DR.) HAJAH NORLIDAH BINTI
TAN SRI DATUK R.M. JASNI**

S.P.D.K., A.D.K., Hon. Ph.D (NBUC)

Majlis Perasmian
Pameran dan Penyampaian Hadiah

KARYA PERDANA TAHUNAN NEGERI SABAH KE-38, 2023

sempena

Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi
Yang Ke-70 Tuan Yang Terutama
Yang di-Pertua Negeri Sabah Tahun 2023

- 13 Oktober 2023 (Jumaat)
- Marriott Hotel, Kota Kinabalu

BALAI SENI LUKIS
SABAH ART GALLERY



**YANG AMAT BERHORMAT
DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR**
Ketua Menteri Sabah

Syabas kepada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah melalui Balai Seni Lukis Sabah atas penganjuran Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah Ke-38 bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-70 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Tahun 2023.

Kerajaan Negeri sentiasa memberikan galakan dan sokongan dalam membangunkan bidang seni di negeri ini melalui kementerian dan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan. Semoga dengan sokongan ini, penggiat seni visual di Sabah akan terus berkarya dengan penuh kreatif dan inovatif agar dapat mengukir nama di persada antarabangsa.

Saya berharap generasi muda yang mencintai seni akan terus menyokong dan menjadi tunjang yang kukuh dalam mengembangkan dan melestarikan seni visual negeri Sabah. Sesungguhnya, satu kelebihan yang ada di Sabah kerana negeri ini dapat memberi kemudahan seperti Balai Seni Lukis Sabah (BSLS), sebagai platform yang sangat baik untuk pelukis-pelukis di Sabah.

Tahniah kepada penganjur khususnya Balai Seni Lukis Sabah kerana telah berusaha menjadi medan perjalanan dan perkembangan seni visual negeri ini. Dengan adanya medan yang tersedia ini bakat baharu dan generasi muda dapat mendedahkan potensi mereka serta membangunkan kreativiti seni artistik sebagai satu peluang kerjaya pada masa hadapan.

Tahniah dan syabas kepada penerima Anugerah Khas Tokoh Seni Visual dan Kraf Negeri Sabah. Semoga anugerah ini akan memberi penghargaan kepada penyumbang seni dan meningkatkan kepekaan serta apresiasi terhadap seni visual.

Dirgahayu Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin.



**YANG BERHORMAT
DATUK SERI PANGLIMA DR. JOACHIM GUNSALAM**
Timbalan Ketua Menteri Sabah II
Merangkap Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan
Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-70
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Tahun 2023

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya.

Menjunjung kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat ulang tahun kelahiran kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, atas ulang tahun kelahiran yang ke-70 tahun.

Selaku Pengerusi Penganjur serta bagi pihak Jawatankuasa Induk Penganjur Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Yang Ke-70, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Balai Seni Lukis Sabah atas usaha yang berterusan dalam menganjurkan program seni visual yang sangat bermanfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) bukan sahaja titik permulaan dalam memupuk dan menyemai benih kesenian dalam diri pelajar sekolah rendah dan menengah malahan menjadi titik perubahan kepada bakat dan potensi seni visual mereka.

Program seumpama ini juga telah banyak membantu pengkarya untuk mengasah bakat mereka dari tahun ke tahun dan membolehkan mereka untuk menghasilkan karya yang berkualiti dan bermutu tinggi. Dengan adanya KPTNS juga saya percaya masyarakat akan lebih peka dan mula menunjukkan apresiasi terhadap hasil seni visual. Program seumpama inilah yang membantu dalam melestarikan seni visual tanah air kita. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Dirgahayu Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.
Sekian, terima kasih.



**YANG BERHORMAT
DATUK CHRISTINA LIEW CHIN JIN**
Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah

Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya.

Tahniah saya ucapkan atas penganjuran Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah Ke-38 bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-70 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

“Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang” sesuatu kejayaan tidak akan datang dengan mudah tanpa berusaha, oleh itu syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Balai Seni Lukis Sabah kerana telah bekerja keras melaksanakan acara ini dengan jayanya.

Pada tahun ini sebanyak 1,946 penyertaan dan 2,061 karya telah diterima oleh Balai Seni Lukis Sabah dan merupakan rekod penyertaan terbanyak selama 38 tahun (1985-2023) KPTNS dianjurkan. Penyertaan luar jangka ini membuktikan tahap kesedaran, kepekaan dan apresiasi seni telah semakin bertambah dan semakin diketahui oleh masyarakat. Semoga pertambahan ini juga akan membuka minda pengkarya untuk berfikir dengan lebih kritis, kreatif serta mengaplikasikan bakat dan merealisasikannya dalam bentuk karya yang berkualiti. Karya yang berkualiti dan bermutu akan meningkatkan nilai ekonomi seni dan ini akan membuka peluang kepada pengkarya seni visual tempatan untuk lebih dikenali.

Kementerian saya akan merencanakan lagi usaha untuk menghidupkan program-program seumpama ini sekali gus membuat perubahan sudut pandang masyarakat terhadap seni visual dan seni kraf agar lebih dikenali dan dihargai.

Sekian, terima kasih.



**YANG BERBAHAGIA
DATUK OKK TITING BIN PUTANG**
Pengerusi
Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya.

Pada tahun, ini Jawatankuasa Induk masih memberi kepercayaan dan sokongan penuh kepada Balai Seni Lukis Sabah untuk turut serta dalam memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-70, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Saya mewakili Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah sangat menghargai dan mengucapkan ribuan terima kasih atas amanah dan peluang yang telah diberikan.

“Bahu memikul hati menyokong” terima kasih juga kepada ahli Jawatankuasa Pelaksana yang memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan acara ini. Saya berharap agar acara seperti ini akan dapat memelihara khazanah seni Sabah untuk tatapan generasi masa hadapan dan boleh meningkatkan tahap kesedaran, sensitiviti dan apresiasi serta menimbulkan minat dan menggalakkan penglibatan ahli masyarakat dalam bidang seni visual dan kraf.

Sekian dan terima kasih.



**YANG BERUSAHA
MACKEY APISON**
Pengurus Besar
Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Salam Malaysia Madani, Salam Sabah Maju Jaya dan Salam Budaya,

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada ahli jawatankuasa yang terlibat terutamanya kepada pihak Balai Seni Lukis Sabah (BSLS) yang begitu komited dalam menganjurkan pertandingan, mengumpul dan mempamerkan karya-karya visual para penggiat seni tempatan yang datang dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Karya seni mencerminkan pemikiran, idea, dan gagasan setiap pengkarya untuk dinilai dan dievaluasikan agar karya yang dihasilkan bermutu dan berkualiti. Besarlah harapan saya agar penganjuran Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah dapat membentuk idea dan pemikiran yang bukan sahaja menjadikan seni visual sebagai hobi semata-mata tetapi sebagai salah satu strategik komersial dalam konteks pasaran yang lebih luas dan seterusnya dapat membentuk identiti budaya yang lebih mampan dalam kalangan masyarakat Sabah khususnya.

Sekian, terima kasih.

Aturcara

Majlis Perasmian Pameran dan Penyampaian Hadiah Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah Ke-38, 2023

sempena

Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-70 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah

13 OKTOBER 2023 (JUMAAT)

8.00 MALAM

GRAND BALLROOM, LEVEL 7, MARRIOTT HOTEL, KK

MASA	ACARA
07.00 malam	Ketibaan Dif-dif Jemputan dan Ketua-ketua Jabatan Negeri
07.10 malam	Ketibaan Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian
07.20 malam	Ketibaan Yang Berhormat Pembantu-Pembantu Menteri dan Timbalan-Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri serta isteri / suami
07.25 malam	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Bin Untong, JP , Setiausaha Kerajaan Negeri dan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Dr. Hajah Nuinda Binti Haji Alias
07.30 malam	Ketibaan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet Negeri Sabah
07.35 malam	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew , Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah dan suami
07.40 malam	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam , Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-70 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Linda Ewit
07.45 malam	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya , Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah dan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Norani binti Haji Salleh
07.50 malam	Ketibaan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor , Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Julia binti Salag

08.00 malam

Keberangkatan Tiba **Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin** Yang di-Pertua Negeri Sabah dan **Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M. Jasni**

Lawatan ke Galeri Pameran.

Lagu Negaraku

Lagu Sabah Tanah Airku

Tayangan Video Khas.

Majlis Makan Malam.

Penyampaian Sijil Penghargaan Khas Sekolah-Sekolah

- **Penyertaan Pelajar Sekolah Teramai**
- **Guru Inspirasi**

Penyampaian Hadiah-Hadiah Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah Ke-38, 2023 ;-

- **Kategori A (7 - 15 tahun).**
- **Kategori B (16 - 19 tahun).**
- **Kategori C (Terbuka).**
- **Kategori Khas.**
- **Karya Perdana.**

Penyampaian **Anugerah Khas Tokoh Seni Visual dan Kraf Negeri Sabah 2023.**

Lafaz Perasmian Penutupan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah

Penyampaian Cendera Kenangan.

Sesi Bergambar.

Lagu Negaraku

Lagu Sabah Tanah Airku

Keberangkatan Balik Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah binti Tan Sri Datuk R.M. Jasni diiringi oleh Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Julia binti Salag serta dif-dif kehormat yang lain

10.30 malam

Majlis dijangka selesai.

IMBASAN 2022





tema
**LANDSKAP
SABAH**

objektif

Menggalak artis-artis tempatan
**peka kepada perkembangan
pembangunan Sabah,**


Memberi peluang kepada
artis-artis tempatan **membuat
kajian** sebelum menghasilkan
karya,

Melahirkan pengkarya- pengkarya
seni visual yang **berpengalaman.**



Nilai Hadiah
KESELURUHAN

RM 134,000



- Peserta : **1,946**
- Karya : **2,061**

KARYA PILIHAN

Peringkat Bahagian & Kategori Khas

Kategori / Bahagian	P.B.S	P.B.U	P.A	P.B	SDKN	TWU	JUMLAH
A	5	9	5	5	4	5	33
B	4	4	6	3	7	7	31
C	7	4	4	2	2	3	22
KHAS	3						3
JUMLAH	19	17	15	10	13	15	89

Panel



(dari kiri)

Intan Munirah Hamzah, Yee I-Lann, Awang Damit Ahmad, Sara Elisya Ahmad Shah dan Bayu Utomo Radjikin

komen PENGADIL

Ketua Pengadil

Setiap kali saya dijemput untuk menjadi hakim KPTNS saya sentiasa teruja untuk melihat perkembangan baru seni lukis Sabah. Apatah lagi KPTNS kali ini adalah yang ke-38. Saya kira sudah cukup dewasa dan matang dalam setiap pengalaman yang dilalui. Berdasarkan data penyertaan dari semua bahagian KPTNS kali ini menerima penyertaan yang terbesar iaitu seramai 1,946 orang dengan jumlah sebanyak 2,061 karya. Satu jumlah yang cukup besar dan memberi gambaran betapa pelukis-pelukis Sabah semakin bersungguh, peka dan sentiasa mengikuti apa juga aktiviti seni lukis anjuran Balai Seni Lukis Sabah.

Dengan tema “**LANDSKAP SABAH**” kali ini merupakan satu lagi medan kepada pelukis-pelukis untuk meneroka dan memperlihatkan kesungguhan mereka dalam menyatakan idea, stail, kemahiran dan kemas kerja mereka demi meraih perhatian para hakim. Dedikasi dan ketulusan mereka telah mereka ungkapkan mengikut kebolehan masing-masing. Ada yang cukup cemerlang tetapi ada juga sebaliknya.

Dari jumlah yang cukup besar, KPTNS, setelah membuat saringan di peringkat bahagian, menerima karya-karya yang terbaik sahaja untuk dihakimi di peringkat negeri. Di peringkat inilah kita mengharapkan dapat menyaksikan kepelbagaian pendekatan baru dalam menyatakan **idea-idea, pemikiran, sensitiviti** mereka terhadap tema yang dikemukakan. Namun **sangat kurang** yang benar-benar mencabar minda atau karya-karya yang mengejutkan untuk diingati sampai bila-bila. Setelah membuat penilaian terperinci berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan para hakim sependapat memuktamadkan keputusan seperti berikut:

KATEGORI A (7 - 15 tahun)

Kategori A **sangat memberangsangkan** dengan karya-karya yang **KETERDEPAN** berbanding dengan kategori yang lain kecuali kategori khas yang rata-rata sudah pernah memenangi beberapa kali pemilihan. Kita dihadapkan dengan beberapa buah karya yang agak menonjol dari karya-karya lain dan sekali gus diangkat sebagai Karya Perdana.

Karya Rester Yen Nasrah bertajuk **Walai Dii Aki** berusia 13 tahun dipilih sebagai sebuah karya yang cukup baik yang pernah dihasilkan. Karya seakan “*relief*” tiga dimensi menggambarkan sebuah pondok atau rumah kecil sederhana sangat mengujakan para hakim. Elemen-elemen tampak **tersusun begitu kemas dan teratur dengan imej-imej**

budaya orang kampung yang nostalgik, mungkin saja dapat menarik penonton untuk memerhati sejenak betapa anak kecil berusia 13 tahun ini dapat menghasilkan karya yang begitu baik dan matang.

Begitu juga dengan karya bertajuk **Landskap Bersejarah Sabah** hasil kerja Kathlyne Eugnenea Nuil (11 tahun), yang memilih saat bersejarah Sabah merdeka dari penjajah British. Teknik tekapan atau *printage* digunakan dengan sebaiknya untuk memperlihatkan sebuah peristiwa lalu yang akan terus diingati dan menjadi sejarah yang gemilang. Hubungan teks dengan imej-imej yang lain digarap dalam komposisi yang **bersepadu dan sempurna**. Dalam kategori ini para hakim juga mengambil perhatian sewajarnya dan memilih lapan buah karya sebagai karya pilihan.

KATEGORI B (16 - 19 tahun)

Kategori B sedikit mengecewakan. **Tidak ada** karya yang terpilih untuk dinobatkan sebagai karya perdana. Rata-rata pelukis **tidak dapat menyerlahkan kreativiti dan kemahiran** yang diharapkan. Antara kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan adalah :

- 1 . Kurang kefahaman tentang tema,
- 2 . Kemahiran (*skill*) yang lemah, dan
- 3 . Teknik pengolahan yang kurang sempurna

Setelah meneliti semua karya, para hakim berpendapat sepuluh karya diangkat sebagai karya pilihan. Walau bagaimanapun masih ada ruang untuk mereka terus berkarya di peringkat tertinggi dan wajar diberi tempat di pameran-pameran anjuran Balai Seni Lukis Sabah.





KATEGORI C (Terbuka)

Kategori C sungguh mengujakan. Interpretasi mereka terhadap tema, pemilihan bahan dan teknik, serta olahan bahasa tampak yang mereka gunakan sangat berlainan dan mengagumkan. Ada perkembangan baru yang harus diambil perhatian dan diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. Karya bertajuk **Aku, Seni Dan Alam** hasil pengkarya Supinen bin Juhudin (47 tahun) agak unik. Dia **memilih mata pena dari ruas buluh sebagai alat untuk menulis kaligrafi jawi di atas helaian-helaian daun pisang. Sisa rautan buluh** juga disertakan di atas permukaan sebagai **sebahagian dari elemen tampak**. Interpretasi beliau terhadap **lanskap begitu sensitif dan berkesan**.

Karya bertajuk **To BKI** hasil pengkarya Nurfahrina binti Abal Mukam (33 tahun) menggambarkan **suasana meriah di sebuah pantai menarik di Sabah ketika hampir terbenamnya matahari**. Kemeriahan suasana ini **digambarkan begitu santai dengan menggunakan ikon origami kapal kertas yang dibuat dari helaian-helaian tiket kapal terbang**. Olahan lanskap yang **begitu bersahaja tetapi dapat menjelaskan persoalan tema dengan baik**. Berdasarkan pendekatan yang luar dari biasa ini para hakim semua bersetuju mengangkat **kedua-dua karya ini sebagai KARYA PERDANA**.

Di samping itu, walaupun dapat dikesan kelemahan dalam pemilihan **FORMAT, KOMPOSISI, RUANG dan WARNA dalam kategori ini**, para hakim juga memilih tujuh buah karya sebagai karya pilihan berdasarkan kekuatan masing-masing.

KATEGORI KHAS

Dalam Kategori Khas, tidak ada pengkarya yang terpilih walaupun semuanya tidak dapat disangkal **telah memperlihatkan kematangan, keunikan, kemahiran tinggi dan pemilihan idea cukup baik** tetapi hampir kesemuanya **gagal dalam menghubungkan persoalan dan pernyataan tema dengan bentuk karya**. Perlu

dijelaskan bahawa dalam pemilihan kategori ini semua peserta diminta hadir dan dijemput membicarakan karya-karya mereka. Dalam konteks inilah didapati mereka gagal meyakinkan para hakim berdasarkan kriteria penghakiman yang diperlukan. Walaupun tidak ada karya terpilih dalam Kategori Khas namun kekuatan karya-karya mereka memperlihatkan satu tahap peningkatan yang sangat mengagumkan dan wajar diangkat ke tahap yang lebih tinggi. Dalam penilaian kategori ini, karya bertajuk **Dream Theater** oleh Rosmaini bin Sunarjo (42 tahun), **Sabda Alam** oleh Azlan bin Dulikab (43 tahun) dan **Threads Of Heritage** oleh Cannie Peter Tan (36 tahun) dipilih sebagai Karya Pilihan. Karya-karya lain disarankan diberi ruang dalam pameran terbuka BSLs.

Setelah memuktamadkan semua pilihan karya KPTNS ke-38 tahun 2023, para hakim percaya dan cukup yakin akan ada karya-karya besar dapat dilahirkan dari penganjuran ini. Adalah disarankan dalam penganjuran akan datang pihak pengendali dapat memikirkan perubahan dalam soal-soal tema pada peringkat-peringkat tertentu misalnya :

Kategori A, memadai dengan tema seperti : Pemandangan Sabah,

Kategori B, mungkin lebih tinggi seperti : Keindahan Negeriku,

Kategori B, tema Soal Budaya atau Sejarah,

Kategori Khas, terbuka kepada semua peserta tidak kira peringkat umur dan tahap pencapaian masing-masing.

Ini merupakan medan terbuka kepada semua pengkarya dan ini juga boleh dijadikan kayu ukur terhadap kemajuan dan perkembangan pelukis-pelukis Sabah sepertimana yang kita idamkan. Syabas dan tahniah kepada pelukis-pelukis yang terpilih. Kepada yang tidak berjaya, teruskan perjuangan . InsyaAllah.

Pengadil II

Landskap Sabah, tema yang ringkas dan diminati oleh ramai pengkarya. Mungkin ini adalah salah satu sebab sambutan penyertaan KPTNS Ke-38 tahun ini di luar jangkauan iaitu **2,061 karya** di mana sebahagian besar penyertaan adalah dari **pelajar-pelajar sekolah dan anak-anak muda**. Boleh dikatakan potensi dalam memajukan budaya yang berseni dan kreatif di Sabah agak besar dan melalui program tahunan KPTNS ini, bakat-bakat tersebut dapat diasah dan dikenalpasti. Maka, matlamat program besar ini bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti karya seni visual tempatan di samping membudayakan seni visual dalam kalangan masyarakat tempatan membuah hasil.

Dalam penghasilan karya, secara keseluruhannya telah memperlihatkan pemahaman Landskap Sabah sebagai tema juga memberi satu gambaran interpertasi dalam penghasilan karya. Walaupun temanya mudah atau *flat*, namun semakin tinggi cabaran bagi pengkarya untuk mendalaminya.

Kategori A, peserta 7 hingga 15 tahun memperlihatkan karya-karya yang mengujakan hasil daripada pelajar-pelajar sekolah dari serata daerah. **2 Karya Perdana** yang terpilih untuk kategori ini memperlihatkan kematangan idea daripada dua perspektif yang berbeza. Namun persamaan dalam pengaruh budaya dan sejarah dekat pada jiwa pengkarya muda ini dapat dilihat dan dihasilkan dengan baik sekali. Di sini juga, BSLS dapat mengenal pasti sekolah dan guru-guru yang mendokong serta membimbing kreativiti pelajar di sekolah masing-masing.

Kategori B, iaitu penyertaan 16 hingga 19 tahun, karya-karya yang dihasilkan agak sederhana kualitasnya berbanding dengan kategori A, namun potensinya ada dan boleh diasah melalui program-program inisiatif pemerksaan seni. Seperti tahun terdahulu, isunya juga sama, kemungkinan akibat kekangan masa, komitmen serta fasa “remaja” menjadi

faktor dalam prestasi penghasilan karya.

Penyertaan **Kategori C**, kategori terbuka tahun ini amat mengujakan di mana terdapat **kepelbagaian serta variasi konsep karya-karya yang terpilih dari segi pemahaman, teknik penghasilan dan olahan pengkarya terhadap tema, berbeza daripada koleksi BSLS yang sedia ada**. Dua Karya Perdana yang terpilih dalam kategori ini juga memperlihatkan pemahaman yang ringkas tema Landskap Sabah, namun dipengaruhi dari perspektif idea yang berbeza. Penggunaan medium kaligrafi jawi di atas daun pisang berkonsepkan pantun dalam bahasa etnik Dusun **melangkau ekspetasi para juri** serta ini merupakan penyertaan pertama oleh peserta Supinen bin Juhudin. Juga karya hasil Nurfahrina binti Abal Mukam juga terpilih sebagai karya perdana yang memaparkan karya yang berlatarkan landskap matahari terbenam di Sabah yang begitu popular masa kini sebagai antara pemandangan *sunset* yang terindah di dunia.

Kategori Khas pula melihat penyertaan yang sedikit namun pemilihan yang intensif bagi mengenal pasti potensi dan isu yang perlu diambil kira oleh penganjur bagi **memperbaiki inisiatif yang sedia ada** dan **merancang cara yang optimum bagi melahirkan pengkarya yang profesional, berkualiti dan nilai karya yang tinggi**. Tahniah kepada semua peserta. Syabas kepada Azlan, Rosmaini dan Cannie kerana telah terpilih dan menghasilkan karya yang bermutu dan ekspresi tema dalam konsep yang berbeza namun dekat dengan isu dan budaya masing-masing.

BSLS percaya dan komited, melalui KPTNS usaha membudayakan dan merakyatkan seni sekali gus menjadi salah satu tunjang bagi menyumbang kepada usaha pembangunan industri kreatif di Sabah. Sehubungan dengan itu, usaha pembaharuan dalam pelaksanaan program KPTNS akan datang akan menitikberatkan usaha meningkatkan nilai dan kualiti seni visual dan kraf di Sabah. Syabas kepada semua yang terpilih! Teruskan berkarya!



Kunjungan ke **SEKOLAH-SEKOLAH**

SMK KOTA MARUDU
6 Julai 2023



SMK ST. FRANCIS XAVIER, KENINGAU
10 Julai 2023



SMK PENGIRAN OMAR, SIPITANG
8 Jun 2023

Kunjungan hormat atas lantikan SMK Pengiran Omar, Sipitang sebagai **Pusat Penyerahan Karya** bagi Bahagian Pedalaman Bawah di samping melaksanakan taklimat mengenai program KPTNS kepada guru dan pelajar.





Setinggi-tinggi penghargaan kepada sekolah-sekolah yang menyertai Karya Perdana Tahunan Negeri Sabah ke-38, 2023. Ribuan terima kasih kepada **para pelajar, guru, Guru Besar, Pengetua, ibu bapa** dan **Pegawai Pendidikan Daerah** yang terlibat dan pihak **Jabatan Pendidikan Sabah** atas sokongan dalam menjayakan program ini.

PENGHARGAAN KHAS

Penyertaan Pelajar Sekolah Teramai
KPTNS KE-38, 2023



SMK KOTA MARUDU
493 PESERTA

GURU INSPIRASI



JULIAN
ABAN
SMK Kota Marudu

Bertugas di SMK Kota Marudu sejak **1995** dan mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sehingga kini (**28 tahun**). Kelab Seni Visual SMK Kota Marudu mula ditubuhkan pada tahun 2007 namun hanya bergiat secara dalaman sahaja. Antara aktiviti yang dibuat untuk meningkatkan minat dan potensi pelajar ialah Pameran Kelab yang dibuat sejak 2010. Fokus kelab beralih ke KPTNS pada 2017 selain pertandingan luar sama ada secara fizikal atau maya. Pameran di luar Bilik Seni juga dibuat untuk mempromosi seni visual kepada pelajar-pelajar sekolah.

Kelab Seni Visual SMK Kota Marudu telah menerima **Penghargaan Penyertaan Terbanyak KPTNS tahun 2019 dan 2021** manakala Peringkat PBU tahun 2020 dan 2022. Selain itu penglibatan semua pelajar bukan ahli kelab di SMK Kota Marudu mula dibuat sejak **2021**. Sumbangan komuniti turut memberi ruang kepada pelajar untuk menunjukkan bakat dengan aktiviti melukis mural di Tabika Perpaduan, Jiran Muda KRT, sekolah, kelas dan bangunan dewan SMK Kota Marudu dan SM Advent Goshen Kota Marudu. Kelab Seni Visual Ting. Enam SMK Kota Marudu adalah **Penerima Naib Johan Kelab dan Persatuan Cemerlang** Kategori Sekolah Menengah sempena **Majlis Anugerah Pamer Keunggulan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah 2022**.

Beliau berharap segala usaha BSLS dapat diteruskan agar lebih ramai pengkarya dapat menghasilkan dan mempamerkan karya terbaik masing-masing di samping memupuk kepekaan masyarakat tentang hasil karya seni visual yang perlu dihayati dan dijaga bagi generasi sekarang dan di masa akan datang.



KINGFIER
MISSIN
SK Sayap, Kota Belud

Merupakan Guru Bahasa Inggeris dan telah berkhidmat selama **11 tahun** namun berpengalaman mengajar mata pelajaran Seni Visual Tahun 5 selama **2 tahun**. Mengetahui tentang KPTNS sejak 2006 apabila diperkenalkan oleh seorang guru dari SMK Tamparuli, Cikgu Mohd Zulwawi Hashim iaitu seorang guru PSV dan pelukis Sabah yang banyak membimbing beliau. Pertama kali menyertai KPTNS pada 2020 dan terpilih di Peringkat Bahagian dan Negeri. Beliau gembira dan bersyukur kerana dalam penyertaan KPTNS 2022 dan 2023 murid-murid SK Sayap telah **berjaya sama ada pada peringkat bahagian PBU dan Negeri**. Tahun ini, SK Sayap berjaya menghantar **56 orang** murid.

Kejayaan ini tidak datang bergolek, beliau telah melakukan beberapa usaha untuk meningkatkan prestasi, antaranya adalah dengan kerap melibatkan murid dalam sebarang pertandingan Seni Visual. Untuk persiapan KPTNS, mereka telah mengadakan **Bengkel Pengenalan Kepada KPTNS**. Harapan beliau selaku guru bukan Opsyen PSV adalah agar setiap murid percaya dan boleh berkarya, serta menghayati karya seni dengan terbinanya sebuah **Galeri Seni SK Sayap**. Impak yang saya mulai rasai ialah berlakunya **peningkatan dari segi kualiti dan kuantiti** dalam penyertaan murid semasa **Pertandingan Mencipta Poster sempena Hari Malaysia**. Pelbagai teknik boleh dilihat ketika poster-poster pelajar dipamerkan. Penggunaan teknik media campuran juga mula diaplikasikan oleh kebanyakan peserta khususnya yang pernah menyertai Bengkel KPTNS. Kini teknik murid bukan hanya terbatas setakat pensil warna dan kertas sahaja.

SENARAI

Sekolah-Sekolah

➤ sekolah **INSPIRASI**

Bahagian PANTAI BARAT UTARA



➤ **SMK KOTA MARUDU** Kota Marudu • 493 peserta

- **SK Sayap, Kota Belud** (59)
- **SK Tagaroh, Kota Marudu** (54)
- **SK Muhibbah, Kudat** (30)
- **SMK Arshad, Kota Belud** (15)
- **SK Lok Yuk Sikuati, Kudat** (3)
- **SK Kundasang, Ranau** (3)
- **SMK Sikuati, Kudat** (3)

- **SK Nanamun, Kota Belud** (2)
- **SJK(C) Khoi Ming, Kota Marudu** (2)
- **SR SDA Goshen, Kota Marudu** (2)
- **SMK Pitas, Pitas** (2)
- **SMK Tambulion, Kota Belud** (2)
- **Tadika Advent Goshen, Kota Marudu** (1)
- **SK St. Peter, Kudat** (1)
- **SK Kota Marudu II, Kota Marudu** (1)
- **SMK Kudat II, Kudat** (1)
- **SMK St. Peter, Kudat** (1)
- **SK Langkon, Kota Marudu** (1)
- **SM Advent Goshen, Kota Marudu** (1)

Bahagian PEDALAMAN ATAS



➤ **SM ST. FRANCIS XAVIER** Keningau • 378 peserta

- **SMK Entabuan, Tenom** (155)
- **SMK Keningau, Keningau** (53)
- **SMK Gunsanad, Keningau** (30)
- **SM St Anthony, Tenom** (22)
- **SMK Tulid, Keningau** (12)

- **SMK Nabawan, Nabawan** (9)
- **SK Kiawayan, Tambunan** (6)
- **SJK (C) Yuk Kong, Keningau** (5)
- **SMK Tambunan, Tambunan** (3)
- **SMJK Chung Hwa, Tenom** (2)
- **SK Tinompok Liwan, Tambunan** (2)
- **SMK Apin – Apin, Keningau** (1)
- **SK Kinabaan, Tambunan** (1)
- **SMK Tenom, Tenom** (1)

Bahagian TAWAU



• **SK MUHIBBAHRAYA** Tawau • 70 peserta

- **Sabah Chinese High School, Tawau** (28)
- **SMK Konven St Ursula, Tawau** - 12
- **SJK(C) Pai Sheng, Kunak** - 11
- **SM St Patrick, Tawau** - 6
- **Kolej Tingkatan 6 Tawau, Tawau** - 5

- **SK Taman Tawau, Tawau** (4)
- **SM Visi, Tawau** (3)
- **SK Kuala Apas, Tawau** (2)
- **SJK(C) Hing Hwa, Tawau** (1)
- **SMK Tungku Lahad Datu, Lahad Datu** (1)
- **SMK Semporna II, Semporna** (1)
- **SM Sains Lahad Datu, Lahad Datu** (1)

Bahagian PANTAI BARAT SELATAN



➤ **SMK PUTATAN** Kota Kinabalu • 61 peserta

- **SMK Sri Nangka, Tuaran** (10)
- **SK(C) Anglo Chinese, Kota Kinabalu** (8)
- **SMK Shan Tao, Kota Kinabalu** (7)
- **Sabah Tshung Tsin Secondary School, Kota Kinabalu** (4)
- **SJK(C) St. Joseph, Papar** (3)
- **SJK (C) St. James, Kota Kinabalu** (2)
- **SK Kolombong, Inanam** (2)
- **SMK Pekan Telipok, Tuaran** (1)
- **SM La Salle, Kota Kinabalu** (1)
- **SK Bungalio, Tamparuli** (1)
- **SJK (C) Chung Hwa, Kota Kinabalu** (1)
- **SK Kibabaig, Penampang** (1)
- **SK Pekan Tuaran, Tuaran** (1)

- **1 Learning Centre, Penampang** (1)
- **SMK Kota Kinabalu, Kota Kinabalu** (1)
- **SM Stella Maris, Kota Kinabalu** (1)
- **SMK Limbanak, Penampang** (1)
- **SJK (C) Hwa Shiong, Putatan** (1)
- **SK Bahang, Penampang** (1)
- **Asgardian School of Art, Kota Kinabalu** (1)
- **SM All Saints, Kota Kinabalu** (1)
- **S.M.A Tamparuli, Tamparuli** (1)
